

# PM puji kejayaan UMW di China

1/06/04 BH B1

UMW Holdings Bhd menerima pujian khas daripada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana berjaya melaksanakan usaha seperti yang diharapkan menerusi usaha sama Malaysia-China.

Semasa lawatan Abdullah ke China September tahun lalu, beliau menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara UMW dengan sebuah anak syarikat China National Petroleum Corporation (CNPC) bagi menghasilkan paip keluli untuk sistem pemasangan gas dan minyak jarak jauh serta rangkaian pengedaran gas bandar raya.

Dalam tempoh lima bulan selepas MoU itu dimeterai di Great Hall of the People di Beijing semasa Forum Perniagaan China-Malaysia, pembinaan kilang di Yuepu Industrial Park di Shanghai siap dan pengeluaran akan dimu-

lakan tidak lama lagi.

"Saya sangat bangga kerana hanya kurang dari setahun selepas saya menyaksikan MoU itu, usaha sama ini sudah terlaksana. Inilah yang boleh dicapai oleh ahli perniagaan Malaysia dan China jika mereka bekerja bersama-sama.

"Izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan ini. Tahniah," kata Perdana Menteri pada perasmian kilang Shanghai BSW Petro-Pipe Co. Ltd berharga RM70 juta, semalam.

"Projek ini konsisten dengan hasrat saya supaya persahabatan antara Malaysia dan China menghasilkan keputusan yang lebih baik seperti yang dirancang oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Mao Zedong," kata Abdullah mengenai hubungan diplomatik yang terjalin genap 30 tahun lalu hari ini antara pemimpin kedua-dua negara ketika itu.

Kira-kira 30 MoU dimeterai antara ahli perniagaan kedua-dua negara semasa lawatan Perdana Menteri kali ini, namun Abdullah segera mengingatkan mereka bahawa MoU itu tidak seharusnya hanya termeterai di atas kertas.

"Saya harap semua pihak akan melaksanakan semua bentuk perjanjian yang sudah mereka persetujui. Jika tidak, ia tidak baik untuk perniagaan mereka serta reputasi mengenai peluang perniagaan di Malaysia dan China," katanya di Beijing Jumat lalu.

Abdullah berkata, kejayaan hubungan diplomatik tidak hanya terhad kepada jumlah perdagangan dengan Malaysia sebagai rakan perdagangan terbesar China di kalangan negara Asia Tenggara, malah meliputi pembinaan keyakinan dan pertukaran maklumat sains dan teknologi

serta pemindahan teknologi.

"Paling penting, ia bergantung kepada pertukaran penduduk sesama penduduk dalam menjalin hubungan dan persefahaman antara kedua-dua negara," katanya.

Perdana Menteri menggesa syarikat Malaysia lain yang mahu menjalin usaha sama di China supaya mencontohi UMW.

"Pepatah China berbunyi 'perjalanan beribu batu bermula dengan langkah pertama'. Kita memandang ke hadapan untuk menjalin kerjasama yang lebih besar antara syarikat Malaysia dan China untuk manfaat kita bersama," katanya.

Sebelum itu, pengerusi UMW, Tan Sri Asmat Kamaluddin, berkata syarikat itu melabur RM120 juta dalam lima usaha sama di China sejak tahun lalu. - Bernama